

15 April 2016

KENYATAAN MEDIA

*oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

BERTINDAK SEKARANG UNTUK ELAK KEKURANGAN AIR DI WILAYAH UTARA

PULAU PINANG, Jumaat, 15/4/2016: Kerajaan Persekutuan perlu bertindak pantas dan melaksanakan pembenihan awan secara besar-besaran sekarang untuk mengelakkan kekurangan air di wilayah Utara Malaysia.

Seperti yang kita semua tahu, kapasiti efektif Empangan Beris berada pada 38.3% sehingga 14 April 2016.

Semasa musim kering, air dilepaskan dari Empangan Beris untuk mengekalkan paras Sungai Muda supaya Kedah dan Pulau Pinang boleh mengekstrak dalam kuantiti yang mencukupi bagi memenuhi permintaan ketika cuaca kering. Lebih 80% daripada air mentah Pulau Pinang diperolehi daripada sungai ini setiap hari.

Berdasarkan kapasiti efektif semasa, air di Empangan Beris hanya mencukupi untuk tempoh 37 hari sahaja.

Ini bermakna air untuk diekstrak oleh Kedah dan Pulau Pinang hanya mencukupi sehingga minggu ketiga Mei 2016 sahaja.

Bagaimanapun, Jabatan Meteorologi menyatakan fenomena 'Super El Nino' akan terus berlaku hingga Jun 2016.

Kebiasaannya, kita akan menjangkakan hujan yang ketara pada bulan April, selepas musim kering pada Januari - Mac. Bagaimanapun, jumlah hujan April 2016, setakat ini, begitu ketara kurang daripada purata yang pernah dicatatkan.

Jadual di bawah menunjukkan perbandingan hujan yang direkodkan di empangan utama Pulau Pinang bagi tahun-tahun berikut:

	Purata bagi April 2005-2013	April 2014	April 2015	1-14 April 2016
Empangan Air Itam	244mm	274mm	200mm	59mm
Empangan Teluk Bahang	423mm	239mm	955mm	91mm
Empangan Mengkuang	298mm	260mm	372mm	23mm

Adalah jelas bahawa 'Super El Nino' menyebabkan perubahan drastik dalam corak taburan hujan di Pulau Pinang tahun ini. Senario hujan yang kurang juga berlaku di Perlis dan Kedah.

Tanpa hujan yang sangat-sangat diperlukan dari pembenihan awan sekarang, penduduk di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang mungkin menghadapi kekurangan air sebelum berakhir musim 'Super El Nino'.

Perlu diingatkan bahawa eksekutis pembenihan awan besar-besaran ini adalah untuk faedah 4 juta orang bahagian Utara Malaysia.

Kami berharap Kerajaan Persekutuan akan bertindak sekarang untuk mengelakkan scenario kemungkinan kerosakan dan kesulitan di rantau ini.

AIR EMPANGAN DI PULAU PINANG MENCUKUPI UNTUK BERTAHAN SEHINGGA JUN

Sementara itu, berikut adalah kapasiti efektif empangan utama di Pulau Pinang pada 14 April 2016:

- Empangan Air Itam : 59.9% (59 days)
- Empangan Teluk Bahang : 61.5% (187 days)

Kami melaksanakan pengawalan ketika cuaca kering dalam sistem pengagihan kami untuk mengurangkan pengeluaran simpanan empangan di Pulau Pinang. Dengan pengawalan ini, simpanan empangan kami dirancang untuk bertahan lebih lama daripada musim 'Super El Nino'.

Sumber air mentah untuk loji rawatan air terbesar dan yang paling penting,

Loji Rawatan Air Sungai Dua di Seberang Perai Utara, adalah Sungai Muda.

Sehingga 14 April 2016, paras air Sungai Muda adalah 2.44 meter dan kami masih mampu untuk memperolehi air mencukupi untuk rawatan di Sungai Dua.

Bagaimanapun, jika air Sungai Muda turun di bawah paras kritikal 1.50 meter, tiada cara lain untuk Pulau Pinang dan PBAPP untuk memperolehi air mentah lain untuk menampung kekurangan 80% itu.

Oleh itu, kami berharap bahawa Kerajaan Persekutuan akan bertindak segera untuk mengelakkan kekurangan air di Wilayah Utara.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my